


KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

Maksud Bekalan/Pembangunan 30



Mengurus RM	Pembangunan RM		Jumlah RM
	Cara Langsung	Pinjaman	
751,225,700	621,716,100	190,083,100	1,563,024,900

VISI

Kemampuan tenaga, penciptaan kekayaan melalui sains dan teknologi dan kelestarian alam sekitar.

MISI

- (i) Menjadikan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) sebagai tempat bekerja yang terunggul serta penerapan nilai-nilai kecemerlangan, integriti dan fokus hadapan.
- (ii) Mengurus sumber tenaga secara strategik dengan mengoptimumkan tenaga boleh baharu dan kecekapan tenaga bagi menjamin perkhidmatan bekalan elektrik yang berterusan, mampu bayar dan lestari.
- (iii) Meneroka, membangun dan memanfaatkan sains, teknologi dan inovasi untuk menjana ilmu pengetahuan, mencipta kekayaan dan kesejahteraan masyarakat ke arah mencapai ekonomi berpendapatan tinggi yang kompetitif, mapan dan terangkum.
- (iv) Memulihara alam sekitar menerusi pendidikan, kesedaran dan penguatkuasaan ke arah alam sekitar yang bebas pencemaran serta menerajui tindakan adaptasi dan mitigasi perubahan iklim supaya negara berdaya tahan dan mewujudkan peluang pertumbuhan baharu.

PELANGGAN

- (i) Jabatan/Agensi Kerajaan Persekutuan;
- (ii) Kerajaan Negeri, Daerah dan Tempatan;
- (iii) Institusi pengajian tinggi awam/swasta;
- (iv) Institusi penyelidikan;
- (v) Orang awam;
- (vi) Pelajar;
- (vii) Saintis/Penyelidik;
- (viii) Organisasi antarabangsa;
- (ix) Badan-badan bukan Kerajaan; dan
- (x) Sektor swasta.

KERANGKA KEBERHASILAN KEMENTERIAN

PRESTASI OUTCOME KEMENTERIAN

Outcome 1 : MESTECC tempat bekerja terunggul serta penerapan nilai-nilai kecemerlangan, integriti dan fokus masa hadapan

Petunjuk Prestasi Utama	2017 (Sebenar)	2018 (Sasaran)	2019 (Sasaran)
Indeks kepuasan pelanggan bagi perkhidmatan (MESTECC) (skor)	-	-	6.50
Indeks kepuasan psikologi warga MESTECC (skor)	-	-	60.00

Outcome 2 : Bekalan elektrik yang berdaya harap, mampu bayar dan lestari

Petunjuk Prestasi Utama	2017 (Sebenar)	2018 (Sasaran)	2019 (Sasaran)
<i>System Average Interruption Index</i> (SAIDI) di Semenanjung (minit/ pelanggan/ tahun)	54.49	55.00	55.00
SAIDI di Sabah (minit/ pelanggan/ tahun)	240.90	200.00	150.00
Sumbangan tenaga yang boleh diperbaharui (RE) kepada bekalan elektrik negara (%)	-	-	5.00
Penarafan <i>Building Energy Index</i> (BEI) bangunan Kerajaan (bilangan)	-	-	50.00
<i>Retrofit</i> bangunan Kerajaan (bilangan)	-	-	8.00

Outcome 3 : Penjanaaan kekayaan dengan aplikasi Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) dalam ekonomi negara

Petunjuk Prestasi Utama	2017 (Sebenar)	2018 (Sasaran)	2019 (Sasaran)
Peratusan R&D berbentuk kolaborasi dengan industri (%)	-	-	50.00
Peningkatan kadar perkongsian peralatan saintifik dan data dengan akademia serta pihak swasta (%)	-	-	75.00
Pemindahan STI dalam sektor swasta bagi meningkatkan produktiviti (%)	-	-	100.00

Outcome 4 : Alam sekitar yang bebas daripada pencemaran dan berdaya tahan terhadap perubahan iklim

Petunjuk Prestasi Utama	2017 (Sebenar)	2018 (Sasaran)	2019 (Sasaran)
Peratusan penggunaan Hidroklorofluorokarbon (HCFC; bahan pemusnah ozon) berbanding sasaran yang ditetapkan (%)	438.40 ODS tons	100.00	100.00
Peningkatan aktiviti penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS), 1974 (%)	-	-	100.00

PROGRAM 1 : PENGURUSAN KEMENTERIAN

PRESTASI OUTCOME PROGRAM

Outcome : Pengurusan Kementerian yang berkesan

Petunjuk Prestasi Utama	2017 (Sebenar)	2018 (Sasaran)	2019 (Sasaran)
Peratusan penggubalan dasar mengikut <i>milestone</i> (%)	94.00	90.00	92.00
Markah Indeks Akauntabiliti (%)	90.11	90.00	92.00

Aktiviti 1 : Pengurusan Am

Fungsi : (a) Mewujudkan sistem pengurusan yang cekap, berkesan dan berintegriti bagi menyokong pelaksanaan pelbagai program dan aktiviti MESTECC dengan menyelaraskan dan melaksanakan peraturan-peraturan pentadbiran, kewangan, pengurusan sumber manusia, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), perkhidmatan, pengauditan dan perundangan; dan (b) merancang dan menyelaraskan projek-projek pembangunan.

Aktiviti 2 : Perancangan Strategik

Fungsi : (a) Merancang dan menyelaraskan data serta maklumat strategik kementerian yang menyeluruh dan *reliable* bagi menyokong pembangunan dasar kebangsaan, pendidikan, penyelidikan dan pembangunan serta aktiviti komersialisasi di samping menjana pembangunan ekonomi baharu yang berasaskan pengetahuan; dan (b) menjalinkan hubungan yang kukuh dengan sektor awam dan swasta dari dalam dan luar negara.

Aktiviti 3 : Pengurusan Dasar Sektor

Fungsi : Melaksana, menyelaraskan, memantau dan mengemaskini dasar dan perancangan strategik aktiviti-aktiviti/program Sains dan Teknologi (S&T) negara dan menfokuskan kepada elemen *foresight* dan *future technology*.

PROGRAM 2 : PEMBANGUNAN TENAGA

PRESTASI OUTCOME PROGRAM

Outcome 1 : Perkhidmatan bekalan elektrik yang cekap, berkesan dan kos efektif

Petunjuk Prestasi Utama	2017 (Sebenar)	2018 (Sasaran)	2019 (Sasaran)
Kadar gangguan bekalan elektrik tidak berjadual di Semenanjung (%)	-	4.00	4.00
Kadar gangguan bekalan elektrik tidak berjadual di Sabah (%)	-	4.00	4.00

Outcome 2 : Pembangunan tenaga boleh baharu dan peningkatan kecekapan tenaga

Petunjuk Prestasi Utama	2017 (Sebenar)	2018 (Sasaran)	2019 (Sasaran)
Kadar penjimatan penggunaan tenaga elektrik melalui pelaksanaan <i>Efficient Management of Electrical Energy Regulations 2008</i> (EMEER) (%)	-	3.00	3.00
Jumlah kapasiti terpasang tenaga boleh baharu (MW)	-	7,600	8,100

Aktiviti 1 : Pengurusan Tenaga

Fungsi : (a) Menggubal dasar, strategi dan melaksanakan perancangan bagi memastikan industri bekalan elektrik yang berkualiti, cekap, selamat dan berdaya harap; (b) menggalakkan penggunaan Tenaga Boleh Baharu (TBB) dan amalan cekap tenaga bagi meminimumkan kesan negatif penjanaan elektrik terhadap alam sekitar; dan (c) menyelaraskan perancangan tenaga negara serta mengawasi pelaksanaan projek-projek pembangunan berkaitan sejajar dengan keperluan pembangunan ekonomi negara.

PROGRAM 3 : PERKHIDMATAN SAINS DAN TEKNOLOGI

PRESTASI OUTCOME PROGRAM

Outcome : Penyampaian perkhidmatan Sains dan Teknologi (S&T) yang berkualiti

Petunjuk Prestasi Utama	2017 (Sebenar)	2018 (Sasaran)	2019 (Sasaran)
Indeks kepuasan pelanggan perkhidmatan STI (skor)	8.90	8.80	8.90
Peratusan tahap kesedaran masyarakat terhadap inisiatif pembudayaan S&T MESTECC (%)	82.00	80.00	82.00

Aktiviti 1 : Kimia

Fungsi : (a) Menyediakan khidmat analisis, penyiasaan dan perundingan dalam bidang saintifik kepada agensi Kerajaan bagi tujuan penguatkuasaan undang-undang, ketenteraman, keselamatan dan kesihatan awam serta perlindungan hak pengguna termasuk keselamatan di tempat kerja; dan (b) menyediakan perkhidmatan analisis saintifik kepada pihak swasta bagi tujuan perdagangan dan menjana ekonomi negara.

Aktiviti 2 : Meteorologi

Fungsi : (a) Mengeluarkan maklumat dan ramalan cuaca bertepatan masa untuk penerbangan awam dan tentera, pelbagai aktiviti marin dan orang awam; (b) mengeluarkan maklumat gempa bumi dan tsunami bertepatan masa untuk agensi pengurusan bencana, orang awam dan media; (c) menyediakan amaran awal tentang kemungkinan berlakunya fenomena cuaca buruk, keadaan laut bergelora dan ancaman tsunami kepada orang awam, media dan agensi berkaitan yang terlibat dalam menangani bencana; (d) menjalankan operasi pembenihan awan bagi menangani isu jerebu, meningkatkan sumber air dan pelbagai tujuan lain; dan (e) mempromosikan kesedaran awam mengenai cuaca ekstrem, gempa bumi dan tsunami.

Aktiviti 3 : Lembaga Perlesenan Tenaga Atom

Fungsi : (a) Menjadi urus setia kepada Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA); (b) bertanggungjawab dan menyelaraskan hal ehwal kawal berkaitan keselamatan, sekuriti dan kawalgunaan nuklear dengan kerjasama agensi-agensi kebangsaan dan antarabangsa; (c) bertindak sebagai pihak berkuasa kawalseliaan kebangsaan bagi maksud kawalgunaan bahan-bahan nuklear berkaitan perjanjian kawalgunaan dengan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) dalam melaksanakan obligasi berkaitan Tritis Ketakcambahan Senjata Nuklear (NPT); (d) bertindak sebagai agensi peneraju teknikal berkaitan kecemasan dan kemalangan radiologi di bawah Arahan No. 20, Majlis Keselamatan Negara; dan (e) bertindak sebagai agensi sokongan teknikal untuk menangani keganasan nuklear selaras dengan Arahan No. 18, Majlis Keselamatan Negara.

Aktiviti 4 : Planetarium Negara dan Pusat Sains Negara

Fungsi : (a) Menjadi destinasi rekreasi utama pendidikan sains tidak formal yang menyeronokkan melalui bahan pameran, tayangan filem angkasa dan galeri yang interaktif dengan pelbagai topik bermaklumat kepada semua lapisan masyarakat; (b) menjadi platform pemantapan pembelajaran berteraskan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) bagi pelajar sekolah; dan (c) meluaskan capaian pembudayaan S&T melalui program turun padang (*outreach*) ke kawasan pedalaman dan luar bandar.

Aktiviti 5 : Akademi Sains Malaysia

Fungsi : (a) Menganalisis masalah-masalah tertentu negara dan mengenal pasti di mana sains, kejuruteraan dan teknologi dapat memberi sumbangan kepada penyelesaian masalah dengan membuat syor kepada Kerajaan, industri dan pihak berkepentingan; (b) memberikan input S&T secara bebas berkaitan semua dasar kebangsaan untuk pertimbangan Kerajaan; dan (c) menyediakan forum untuk pertukaran pendapat di kalangan ahli sains, jurutera dan ahli teknologi.

PROGRAM 4 : PEMBANGUNAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI DAN PENGKOMERSIALAN

PRESTASI OUTCOME PROGRAM

Outcome : Peningkatan pembangunan *Research, Development, Commercialisation and Innovation (R,D,C&I)*

Petunjuk Prestasi Utama	2017 (Sebenar)	2018 (Sasaran)	2019 (Sasaran)
Peratusan pencapaian pemindahan teknologi (%)	100.00	100.00	100.00
Peratusan pencapaian penghasilan <i>start up</i> berasaskan teknologi baru (%)	-	-	100.00

Aktiviti 1 : Dana dan Pengkomersialan

Fungsi : (a) Membangunkan *research and development (R&D)* dan teknologi industri tempatan dan juga teknousahawan untuk bersaing dalam bidang industri melalui pemindahan teknologi seperti kemudahan inkubator, perlesenan dan perolehan teknologi yang mendorong industri kecil sederhana (IKS); dan (b) memperbaharui dasar dan program-program inovasi ke peringkat nasional dengan memastikan produk R&D dikomersialkan berdasarkan pada program-program pembangunan masyarakat yang berdaya cipta serta bercirikan keusahawanan.

Aktiviti 2 : Pengurusan Teknologi Hijau

Fungsi : (a) Merangka hala tuju dasar dan strategi teknologi hijau untuk menjamin pembangunan mampan bagi meningkatkan kualiti hidup dan memelihara

sumber asli serta alam sekitar; (b) mewujudkan kerangka perundangan dan peraturan-peraturan yang membantu dalam pembangunan dan penerapan teknologi hijau; dan (c) menyokong pertumbuhan dan pembangunan industri teknologi hijau untuk meningkatkan sumbangannya kepada ekonomi negara di samping meningkatkan pendidikan/ kesedaran awam terhadap teknologi hijau.

Aktiviti 3 : Agensi Nuklear Malaysia

Fungsi : (a) Menjalankan R&D, khidmat dan latihan dalam bidang teknologi nuklear bagi pembangunan negara; (b) bertindak sebagai organisasi sokongan teknikal kebangsaan dalam bidang nuklear dan teknologi yang berkaitan; (c) menggalakkan penggunaan, pemindahan dan pengkomersialan teknologi nuklear; (d) bertindak sebagai pusat rujukan kebangsaan untuk forensik nuklear; dan (e) bertindak sebagai Pusat Pengurusan Sisa Radioaktif dan Bahan Api Nuklear Terpakai Kebangsaan.

Aktiviti 4 : Agensi Angkasa Negara

Fungsi : (a) Membantu Kerajaan menggubal dan melaksanakan Dasar Angkasa Negara; (b) membina keupayaan negara secara menyeluruh, bersepadu dan selaras dalam bidang sains dan teknologi angkasa; (c) meningkatkan kerjasama antarabangsa dalam bidang sains dan teknologi angkasa; dan (d) memajukan bidang pendidikan dan penyelidikan sains dan teknologi angkasa.

Aktiviti 5 : Agensi *Remote Sensing* Malaysia

Fungsi : (a) Menerajui dan melaksanakan aktiviti *research and development* (R&D) dalam bidang teknologi *remote sensing* dan teknologi berkaitan terutamanya aktiviti hiliran (*downstream*) bagi menjana maklumat strategik terkini permukaan bumi, membangunkan serta mengoperasikan sistem-sistem aplikasi *remote sensing* dan pangkalan data bersepadu untuk digunakan oleh pelbagai agensi kerajaan dalam mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan sumber, keselamatan serta pembangunan negara; (b) memperoleh, memproses, menyelaras dan menyediakan perkhidmatan imej *remote sensing* melalui sistem aplikasi serta membekal secara berpusat produk data *remote sensing* standard dan tambah nilai kepada pengguna-pengguna di Malaysia; (c) melaksanakan program pembangunan modal insan, pemindahan teknologi, sokongan teknikal dan promosi teknologi bagi memaksimumkan penggunaan teknologi *remote sensing* dalam negara; dan (d) berperanan sebagai penasihat kepada Kerajaan berkaitan teknologi *remote sensing*.

PROGRAM 5 : PENGURUSAN ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

PRESTASI OUTCOME PROGRAM

Outcome : Pengurusan alam sekitar yang berkualiti

Petunjuk Prestasi Utama	2017 (Sebenar)	2018 (Sasaran)	2019 (Sasaran)
Peningkatan aktiviti kesedaran dan pendidikan (%)	-	-	100.00
Aktiviti khidmat nasihat kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME) ke arah mencapai pematuhan peraturan Akta Kualiti Alam Sekitar (AKAS) (%)	-	-	100.00

Aktiviti 1 : Pengurusan Alam Sekitar

Fungsi : Menentukan dasar, strategi dan program berkaitan perlindungan dan pemuliharaan alam sekitar di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa.

Aktiviti 2 : Alam Sekitar

Fungsi : (a) Meningkatkan tahap kesedaran awam mengenai alam sekitar; (b) memastikan kualiti laporan dan proses kelulusan *Environmental Impact Assessment* (EIA) dipercepatkan; (c) meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pegawai Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan orang luar melalui latihan dan pembangunan modul latihan; (d) memastikan Sistem Aplikasi *Geographical Information Systems* (GIS) dibangunkan untuk pengurusan alam sekitar yang lebih cekap dan efektif; dan (e) mencegah, mengawal dan mengurangkan kadar pencemaran alam sekitar melalui aktiviti pengawasan dan penguatkuasaan yang lebih menyeluruh dan efektif.

Maksud Bekalan/Pembangunan 30 - **KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, B/P.30**
ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM
Pegawai Pengawal: **KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI,**
ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS BAGI TAHUN 2019 MENGIKUT OBJEK AM

<i>Kod (Objek Am)</i>	<i>Jenis Perbelanjaan</i>	<i>Anggaran Tahun 2018 RM</i>	<i>Anggaran Tahun 2019 RM</i>
10000	Emolumen	351,629,900	356,729,200
20000	Perkhidmatan dan Bekalan	209,508,200	207,833,100
30000	Aset	0	3,000
40000	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	185,488,200	186,533,300
50000	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	127,800	127,100
JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS		746,754,100	751,225,700

ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN BAGI TAHUN 2019 MENGIKUT OBJEK AM

<i>Kod (Objek Am)</i>	<i>Jenis Perbelanjaan</i>	<i>Anggaran Tahun 2018 RM</i>	<i>Anggaran Tahun 2019 RM</i>
20000	Perkhidmatan dan Bekalan	149,906,900	181,165,500
30000	Aset	436,907,700	535,233,700
40000	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	88,581,500	95,400,000
JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN		675,396,100	811,799,200

RINGKASAN - 2019

Anggaran Perbelanjaan Mengurus	751,225,700
Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Cara Langsung)	621,716,100
(Pinjaman)	190,083,100
JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM	
	1,563,024,900

ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

Butiran	Program/Aktiviti	Kod (Objek Am)	Anggaran	Anggaran	Bil. Jawatan	
			2018	2019	2018	2019
			RM	RM		
010000	PENGURUSAN KEMENTERIAN	...	103,090,500	91,423,400		
		10000	32,920,500	33,775,900	<u>538</u>	<u>538</u>
		20000	51,624,900	36,077,400		
		30000	0	3,000		
		40000	18,545,100	21,567,100		
010100	Pengurusan Am	...	63,876,100	48,867,700		
		10000	20,139,700	20,629,700	345	345
		20000	41,907,500	27,165,200		
		30000	0	3,000		
		40000	1,828,900	1,069,800		
010200	Perancangan Strategik	...	11,610,600	11,488,800		
		10000	6,981,100	7,016,500	136	136
		20000	3,469,400	3,305,300		
		40000	1,160,100	1,167,000		
010300	Pengurusan Dasar Sektor	...	27,603,800	31,066,900		
		10000	5,799,700	6,129,700	57	57
		20000	6,248,000	5,606,900		
		40000	15,556,100	19,330,300		
020000	PEMBANGUNAN TENAGA	...	3,867,100	6,367,800		
		10000	3,411,900	5,234,900	<u>49</u>	<u>49</u>
		20000	455,200	1,132,900		
020100	Pengurusan Tenaga	...	3,867,100	6,367,800		
		10000	3,411,900	5,234,900	49	49
		20000	455,200	1,132,900		
030000	PERKHIDMATAN SAINS DAN TEKNOLOGI	...	225,980,400	238,988,800		
		10000	137,780,100	140,752,600	<u>2,778</u>	<u>2,778</u>
		20000	79,985,100	88,987,300		
		40000	8,091,400	9,125,800		
		50000	123,800	123,100		
030100	Kimia	...	102,312,200	107,553,600		
		10000	69,299,900	70,176,800	1,399	1,399
		20000	32,960,900	37,320,000		
		40000	48,800	54,200		
		50000	2,600	2,600		
030200	Meteorologi	...	82,335,200	87,671,500		
		10000	49,940,000	51,650,000	1,036	1,036
		20000	31,374,000	34,951,000		
		40000	1,020,000	1,070,000		
		50000	1,200	500		
030300	Lembaga Perlesenan Tenaga Atom	...	16,850,800	17,502,800		
		10000	10,604,300	10,886,300	187	187
		20000	6,124,900	6,494,900		
		40000	1,600	1,600		
		50000	120,000	120,000		

ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

Butiran	Program/Aktiviti	Kod (Objek Am)	Anggaran	Anggaran	Bil. Jawatan	
			2018	2019	2018	2019
			RM	RM		
030400	Planetarium Negara dan Pusat Sains Negara	...	17,461,200	18,260,900		
		10000	7,935,900	8,039,500	156	156
		20000	9,525,300	10,221,400		
		...	7,021,000	8,000,000		
030500	Akademi Sains Malaysia	40000	7,021,000	8,000,000		
040000	PEMBANGUNAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI DAN PENGKOMERSIALAN	...	154,797,500	145,778,300		
		10000	89,306,000	85,271,900	<u>1,349</u>	<u>1,349</u>
		20000	58,210,100	51,930,900		
		40000	7,277,400	8,571,500		
		50000	4,000	4,000		
040100	Dana dan Pengkomersialan	...	19,350,300	6,781,300		
		10000	14,486,800	4,014,700	64	64
		20000	4,858,000	2,766,600		
		40000	5,500	0		
040200	Pengurusan Teknologi Hijau	...	1,555,600	2,486,700		
		10000	1,412,100	1,751,200	28	28
		20000	143,500	235,500		
		40000	0	500,000		
040300	Agensi Nuklear Malaysia	...	80,025,300	84,795,500		
		10000	54,863,900	58,863,900	930	930
		20000	17,960,900	17,919,600		
		40000	7,199,500	8,011,000		
		50000	1,000	1,000		
040400	Agensi Angkasa Negara	...	13,996,900	13,916,800		
		10000	5,821,000	6,125,100	100	100
		20000	8,106,000	7,733,700		
		40000	66,900	55,000		
		50000	3,000	3,000		
040500	Agensi Remote Sensing Malaysia	...	39,869,400	37,798,000		
		10000	12,722,200	14,517,000	227	227
		20000	27,141,700	23,275,500		
		40000	5,500	5,500		
050000	PENGURUSAN ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM	...	102,651,300	118,715,000		
		10000	88,211,400	91,693,900	<u>1,555</u>	<u>1,555</u>
		20000	13,365,600	25,387,200		
		40000	1,074,300	1,633,900		
050100	Pengurusan Alam Sekitar	...	2,489,500	3,017,800		
		10000	1,736,400	1,816,600	27	27
		20000	293,100	387,600		
		40000	460,000	813,600		
050200	Alam Sekitar	...	100,161,800	115,697,200		
		10000	86,475,000	89,877,300	1,528	1,528
		20000	13,072,500	24,999,600		
		40000	614,300	820,300		

Maksud Bekalan 30 - KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM
 Pegawai Pengawal: KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI,
 ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

B.30

Butiran	Program/Aktiviti	Kod (Objek Am)	Anggaran	Anggaran	Bil. Jawatan	
			2018	2019	2018	2019
			RM	RM		
060000	PROGRAM KHUSUS	...	156,367,300	149,952,400		
		20000	5,867,300	4,317,400		
		40000	150,500,000	145,635,000		
060100	Bertugas ke Luar Negara	...	2,817,300	1,845,000		
		20000	2,817,300	1,845,000		
060200	Kakitangan Kontrak/Sambilan	...	2,050,000	1,972,400		
		20000	2,050,000	1,972,400		
060300	Malaysian Green Technology Corporation (MGTC)	...	4,500,000	4,500,000		
		40000	4,500,000	4,500,000		
060400	International Greentech dan Eco Products Exhibition and Conference Malaysia	...	1,000,000	500,000		
		20000	1,000,000	500,000		
060500	My Suria	...	6,000,000	1,135,000		
		40000	6,000,000	1,135,000		
060600	Subsidi Bil Elektrik	...	140,000,000	140,000,000		
		40000	140,000,000	140,000,000		
JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS			746,754,100	751,225,700	<u>6,269</u>	<u>6,269</u>

Maksud Pembangunan 30 - **KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM**

P.30

Pegawai Pengawal: **KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM**

Butiran (Projek)	Tajuk	Jumlah Anggaran Harga Projek	Perbelanjaan Sebenar 2017	Anggaran Dipinda 2018	Anggaran Tahun 2019	
					Cara Langsung	Pinjaman
(1)	(2)	(3) RM	(4) RM	(5) RM	(6) RM	(7) RM
00200	Jabatan Kimia Malaysia	102,379,220	14,776,950	6,048,300	21,200,000	0
00602	Pemodenan dan Naik taraf Planetarium Kuala Lumpur	8,415,976	0	0	1,000,000	0
00603	Agensi <i>Remote Sensing</i> Malaysia	69,830,000	7,623,476	14,090,100	10,500,000	0
00604	Pusat Sains Negara (PSN)	58,000,000	694,671	7,500,000	7,800,000	0
00605	Bahagian Bioteknologi Kebangsaan (BIOTEK)	1,500,000	0	500,000	900,000	0
00608	Pusat Maklumat Sains dan Teknologi Malaysia (MASTIC)	5,900,000	526,765	1,200,000	2,000,000	0
00702	Alat-alat Kelengkapan	124,025,440	428,328	26,256,888	30,100,000	0
00800	Program Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)	1,379,920,000	119,796,585	77,855,274	55,000,000	0
00900	Agensi Nuklear Malaysia	31,550,000	7,164,576	7,030,000	8,405,000	0
01000	Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA)	16,611,000	49,532	355,000	5,050,000	0
01200	Agensi Angkasa Negara (ANGKASA)	373,686,125	1,711,786	2,000,100	3,786,200	0
02000	<i>Technology Acquisition Fund</i> (TAF)	100,000,000	10,000,000	5,000,000	5,000,000	0
02100	<i>Commercialisation of R&D Fund</i> (CRDF)	160,000,000	40,000,000	20,000,000	20,000,000	0
03202	Penghantaran dan Pembahagian (Tenaga)	123,576,500	15,000,000	0	0	41,151,000
03600	Program Pengkomersialan Nano Teknologi Bagi Rancangan Malaysia Ke-11	85,875,000	10,119,750	20,325,000	11,500,000	0
03700	Yayasan Inovasi Malaysia	6,000,000	1,900,000	1,000,000	1,000,000	0
06000	Sistem Pengurusan Maklumat KTAK	9,541,484	188,750	500,000	225,000	0
07200	Jabatan Alam Sekitar	224,828,380	45,480,531	75,069,400	73,764,600	0

Maksud Pembangunan 30 - **KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM**

P.30

Pegawai Pengawal: **KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM**

<i>Butiran (Projek)</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Jumlah Anggaran Harga Projek</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar 2017</i>	<i>Anggaran Dipinda 2018</i>	<i>Anggaran Tahun 2019</i>	
					<i>Cara Langsung</i>	<i>Pinjaman</i>
<i>(1)</i>	<i>(2)</i>	<i>(3) RM</i>	<i>(4) RM</i>	<i>(5) RM</i>	<i>(6) RM</i>	<i>(7) RM</i>
07300	Bahagian Konservasi dan Pemuliharaan Alam Sekitar (KAS)	2,800,000	0	0	500,000	0
09000	Pelbagai Suntikan Ekuiti	267,100,000	22,000,000	20,000,000	3,500,000	0
10000	Program Kecekapan Tenaga dan Tenaga Diperbaharui	117,715,000	20,919,588	22,000,000	26,000,000	0
11000	<i>Sabah Electricity Sdn. Bhd.</i> (SESB)	2,661,017,053	170,366,771	173,554,000	307,814,900	148,932,100
97000	PPP/ PFI - Sewaan Bangunan	297,604,469	0	11,904,200	26,670,400	0
JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN		6,227,875,647	488,748,059	492,188,262	621,716,100	190,083,100